

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PERUTUSAN HARI KEBANGSAAN YANG KE-30

TEMPAT: ANGKASAPURI

TARIKH: 30 AUG 1987

MASA:

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh, dan salam bahagia.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dapat kita sekali lagi bersama-sama menyambut Hari Kebangsaan -- Hari Kemerdekaan negara -- yang ke-30. Kita juga bersyukur ke hadrat Ilahi kerana kita telah dapat menyambut Hari Kebangsaan, tahun demi tahun, dalam keadaan aman dan sejahtera.

2. Pada tahun ini genaplah 30 tahun negara kita bebas daripada belenggu penjajah. Ianya sangat bermakna bagi mereka yang menghargai kebebasan -- kebebasan daripada kehinaan oleh orang asing, kebebasan mentadbirkan negara sendiri, dan kebebasan menentukan hala kemajuan negara dan bangsa sendiri. Dalam tempoh tersebut kita telah dapat memajukan negara kita dalam semua bidang, termasuk ekonomi, pelajaran, kesihatan, pengangkutan, kemudahan-kemudahan awam, serta pertahanan dan ketenteraman awam.

3. Dengan itu, tidaklah menjadi keangkuhan jika kita berbangga dengan kejayaan kita. Namun demikian marilah kita bersama-sama memastikan supaya kebanggaan itu tidak melalaikan kita, sebaliknya akan menebalkan semangat kita semua untuk mencapai kejayaan yang lebih cemerlang lagi pada masa hadapan. Di samping itu, kita harus bersyukur kerana kita semua dicucuri rahmat dan kebahagiaan yang berterusan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

4. Perangkaan menunjukkan bahawa dua daripada tiga orang penduduk negara kita terdiri daripada generasi muda. Mengikut anggaran, kira-kira 68 peratus penduduk negara kita adalah di bawah umur 30 tahun. Mereka tidak mengenal pahit maung penjajahan dan tidak menyaksikan perjuangan kemerdekaan. Walaupun Sabah dan Sarawak merdeka melalui Malaysia enam tahun kemudian, generasi belia di negeri-negeri tersebut terlalu muda umur mereka pada masa itu untuk mengalami dan memahami akan kehinaan hidup dijajah. Dengan peredaran masa, penduduk negara kita yang telah mengalami hidup dijajah dahulu semakin berkurangan jumlahnya. Justeru itu semakin kurang mereka yang boleh membuat perbandingan dan menghargai hidup bebas daripada penjajahan bangsa asing.

5. Masalahnya ialah jika kita tidak menghargai perjuangan dan pencapaian kemerdekaan, kita mungkin tidak menghargai dan mempertahankannya dan tidak pula akan berusaha untuk mengisi kemerdekaan dengan pembangunan yang memberi makna kepadanya. Kita akan menganggap kemerdekaan sebagai perkara biasa yang akan kita miliki untuk selama-lamanya. Malangnya kemerdekaan bukan suatu keadaan semula jadi dan penjajahan bukan sudah lesap sama sekali. Hakikatnya ialah penjajahan jenis baru telah dicipta dan penjajahan ini telah berjaya menakluk semula negara dan bangsa yang telah mencapai kemerdekaan. Penjajahan yang dimaksudkan ialah penjajahan ekonomi, penjajahan ideologi dan penjajahan kebudayaan.

6. Penjajahan ekonomi mudah sahaja dilakukan oleh kuasa-kuasa ekonomi dunia. Dengan cara manipulasi mereka boleh menjatuhkan harga barangan kita sehingga tidak ada keuntungan daripada hasil usaha kita. Di masa yang sama, mereka menentukan kos pengeluaran kita tidak dapat diturunkan dengan melakukan hasutan supaya daya pengeluaran kita tidak mungkin ditingkatkan. Demikianlah halusnyanya hasutan orang-orang asing ini sehingga ada di antara kita yang sanggup meminta supaya mereka menghalang pemulihan ekonomi negara kita. Apabila orang asing sudah boleh menentukan maju mundurnya ekonomi kita, maka terjajumlah negara kita - ataupun hilanglah kemerdekaan kita.

7. Demikian juga dengan kebudayaan. Sementara kebudayaan sesuatu bangsa tidak dapat lagi mengelak daripada pengaruh kebudayaan dunia, ada yang menyerah kalah dengan mudah dan menerima kebudayaan asing. Di negara kita ini ada yang membelakangkan nilai hidup kita sendiri dan meniru dengan bulat-bulat kelakuan dan tingkah laku bangsa lain. Dengan itu identiti bangsa kita tercemar dan jikalau perkara ini berleluasa mungkin identiti kita akan digantikan dengan identiti bangsa penjajah. Sekiranya luput nilai hidup kita, maka kita tidak berkuasa lagi ke atas diri kita sendiri. Dengan itu kita dijajah.

8. Sebaliknya, kita tidak begitu mudah meniru aspek-aspek kebudayaan asing yang boleh menguntungkan kita. Dengan tercemarnya kebudayaan kita dengan aspek kebudayaan asing yang buruk dan penolakan nilai asing yang baik, maka kita bukan sahaja dijajah tetapi menjadi bangsa yang lemah yang tidak mungkin mempertahankan diri daripada apa juga pengaruh penjajah dalam bidang lain.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

9. Salah satu daripada nilai-nilai yang boleh mempertahankan kebebasan dan maruah kita ialah kesetiaan. Sebab itu tema perayaan Hari Kebangsaan tahun ini ialah 'Setia Bersatu, Berusaha Maju'. Kesetiaan di sini bukan sahaja bermakna kesetiaan kepada negara, walaupun ini adalah puncak kepada kesetiaan kita. Kesetiaan juga bermakna kesetiaan kepada diri sendiri, kepada keluarga, kepada tempat tinggal dan kepada masyarakat.

10. Apabila kita setia, kita bukan sahaja tidak akan mengkhianati objek kesetiaan kita, tetapi kita akan berusaha secara positif melindungi objek kesetiaan kita tadi. Umpamanya kesetiaan kepada diri sendiri bermakna kita bukan sahaja tidak akan mengkhianati diri dengan menceburkan diri dalam penagihan dadah, tetapi kita melengkapkan diri kita dengan ilmu dan kemahiran yang boleh membawa manfaat kepada kita. Dengan itu kita akan hidup lebih bahagia dan mulia. Keluarga, masyarakat dan negara yang dipenuhi oleh individu yang bahagia dan mulia ini tidak dapat tidak akan menjadi bahagia dan mulia juga.

11. Jika kesetiaan kita dipanjangkan kepada keluarga, masyarakat, bangsa, agama dan negara, tidak dapat tidak kita akan memperolehi kehidupan yang bahagia yang terlindung daripada segala jenayah dan maksiat. Mungkin ini adalah harapan yang terlalu idealistik. Mungkin ini tidak dapat dicapai. Tetapi manusia yang bertamadun, yang berakal fikiran harus cuba untuk mencapai keadaan yang bersih daripada sebarang kecacatan walaupun kita tidak mungkin mencapainya kerana hanya Allah Subhanahu Wataala sahaja yang tidak cacat. Tidak berusaha ke arah ini bermakna kita tidak menghargai segala nikmat yang diberi oleh Tuhan. Dengan perkataan lain kita tidak setia. Sudah tentu kita tidak akan maju dan mencapai kejayaan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

12. Gejala yang dihadapi oleh negara berbilang kaum ialah perselisihan faham antara kaum. Kita dapat lihat bagaimana negara-negara diserang dengan rusuhan sehingga bukan sahaja keadaan politik menjadi tidak stabil tetapi ekonomi merosot dengan teruknya. Memandang kepada kemungkinan inilah yang Kerajaan begitu menekankan soal perpaduan. Kita mengakui bahawa perpaduan amatlah sukar dicapai. Tetapi, jika kita mempunyai satu puncak tumpuan kesetiaan, satu puncak yang terkecuali, yang tidak memihak kepada mana-mana pihak dan kita tujukan kesetiaan kita kepadanya maka perselisihan antara kita akan kurang ketara. Dengan adanya sistem Raja Berpelembagaan kemungkinan ini wujud.

13. Dalam semua ini kita perlu akan kesedaran dan usaha. Tidak ada sesuatu yang boleh dijayakan tanpa usaha. Lebih gigih usaha kita lebih tinggi kemajuan kita.

14. Kita semua sedar dan Kerajaan juga sedar bahawa tema tahun ini 'Setia Bersatu, Berusaha Maju' dengan sendirinya tidak akan menghasilkan apa-apa. Yang penting ialah amalan kita dan penghayatan kita akan panduan yang diberi oleh tema tersebut.

15. Tiap slogan yang dicipta mempunyai niat yang baik dan dipercayai boleh menolong kita mencapai kehidupan yang lebih bahagia. Oleh itu terimalah slogan ini dan gunakannya sebagai panduan. Insya-Allah, kita akan berbahagia kerananya.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum

warahmatullahi wabarakatuh.